

# Minggu Suai Mesra Sekolah Sains dan Teknologi Sesi 2010/2011

| Kod Program               | Program Pengajian                | Jumlah Pelajar Berdaftar |
|---------------------------|----------------------------------|--------------------------|
| HG07                      | Bioteknologi                     | 57                       |
| HG03                      | Biologi Pemuliharaan             | 28                       |
| HS07                      | Kimia Industri                   | 75                       |
| HS08                      | Matematik dengan Ekonomi         | 78                       |
| HS09                      | Matematik dengan Komputer Grafik | 32                       |
| HS11                      | Sains Sekitar                    | 17                       |
| HS21                      | Geologi                          | 69                       |
| HS22                      | Fizik dengan Elektronik          | 29                       |
| HS27                      | Akuakultur                       | 10                       |
| HS40                      | Sains Marin                      | 35                       |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                                  | <b>430</b>               |



Ketibaan Pegawai Pentadbiran SST diiringi TNC (A&A) serta Pengarah Pusat/Institut

Pada 8 Julai 2010, pelajar-pelajar baru SSTambilan sesi 2010/2011 telah berpeluang menjalani program MSM bersama sekolah yang diadakan di Dewan Canselor bermula jam 8 am hingga 12.30 pm. Aturcara program dimulakan dengan ketibaan Pegawai Pentadbiran Sekolah Sains dan Teknologi, iaitu Dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Ketua-ketua Program serta Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Amran Ahmed dan Pengarah Pusat/Institut. Taklimat pengenalan kepada 10 program pengajian di SST dan warga akademik diberikan oleh Dekan SST, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah dengan diiringi tayangan multimedia. Acara seterusnya adalah taklimat Keselamatan Makmal oleh P.M. Dr. How Siew Eng, diikuti taklimat Motivasi Pengajaran & Pembelajaran oleh P.M. Dr. Ho Chong Mun dan taklimat Disiplin Pelajar oleh Timbalan Dekan (HEP&A) SST, P.M. Dr. Kawi Bidin. Diakhir program turut dimuatkan sesi bersama Persatuan Mahasiswa SST (ScienceTech). Pada sesi 2010/2011 kali ini, seramai 430 orang pelajar mendaftar di SST termasuk 1 orang pelajar antarabangsa iaitu dari Negara China yang mendaftar di bawah program HS08 Matematik dengan Ekonomi.

Artikel oleh: Hazerina Pungut



Taklimat Pengenalan SST oleh Dekan, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah



Pelajar baru SSTambilan sesi 2010/2011